

CNS2904

U GB 16-09 00159 BA174

bah

KABINET BELUM PILIH DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Mahathir - Elyas

TAWAU, 16 Sept (Bernama) -- Kabinet tidak membuat keputusan bagi memilih Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baru pada mesyuaratnya hari ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

+Kita belum pilih sesiapa lagi...ada banyak masa lagi,+ kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan pemuda Barisan Nasional (BN) di Padang Perbandaran Tawau di sini hari ini.

Katanya beliau juga belum membuat keputusan bila akan mengumumkan nama pengganti Tan Sri Elyas Omar itu.

Perletakan jawatan Elyas berkuatkuasa esok. Dr Mahathir dilaporkan berkata semalam bahawa terdapat peruntukan bagi melantik seseorang memangku jawatan itu.

Mengenai langkah kerajaan Sabahewartakan 16 Sept sebagai Hari Malaysia, beliau berkata, tarikh tersebut tidak seharusnya dijadikan isu politik untuk memecah-belahkan rakyat.

+Kita harus ingat ini adalah tarikh bersejarah, tetapi kita jangan gunakan ini untuk politik parti bagi memisahkan Sabah dari Semenanjung,+ katanya. -- Lagi

▼16/09/21-46MST

CNS2905

U GB 16-09 00098 BA175

bah

Mahathir - Elyas 2 (Akhir) Tawau

+Memang kita sambut (perayaan 16 Sept)...kita bukan tidak sambut,+ kata beliau.

Ketua Menteri Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan baru-baru ini mengumumkan bahawa tarikh 16 Sept hendaklah disambut sebagai Hari Malaysia kerana Sabah menyertai Malaysia pada tarikh itu dan bukannya pada 31 Ogos.

Ditanya mengenai sambutan pada perhimpunan hari ini beliau berkata, kehadiran yang banyak itu menunjukkan petanda baik bagi BN di Sabah.

Kira-kira 20,000 orang menghadiri perhimpunan anjuran Pergerakan Pemuda BN itu yang diadakan sempena hari pembentukan Malaysia. -- Bernama

▼16/09/21-47MST